



## Presiden Jerman bertemu PM Anwar di Putrajaya

Februari 17, 2023 @ 7:22pm

PUTRAJAYA: Presiden Jerman, Frank-Walter Steinmeier yang dalam rangka lawatan negara ke Malaysia, bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya pada Jumaat bagi membincangkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Jerman.

Steinmeier yang tiba di Malaysia bagi memulakan lawatan negara selama tiga hari itu semalam, disambut Anwar sejurus tiba di Perdana Putra, yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri, pada kira-kira 5.15 petang.

Presiden Jerman itu menandatangani Buku Tetamu di aras satu bangunan berkenaan, sebelum ke aras lima yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri bagi mengadakan pertemuan empat mata bersama Anwar.

Antara yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil dan Duta Besar Jerman di Malaysia Dr Peter Blomeyer.

Lawatan negara Steinmeier itu sebagai sebahagian usaha berterusan mengukuhkan hubungan erat sedia, ada antara Malaysia dan Jerman.

Kementerian Luar menerusi satu kenyataan semalam menyatakan lawatan Steinmeier itu akan memberikan peluang terbaik kepada Malaysia dan Jerman, untuk mengukuhkan lagi hubungan baik serta kerjasama pelbagai bidang antara kedua negara.

Lawatan negara terakhir melibatkan Presiden Jerman ke Malaysia ialah 26 tahun lalu iaitu pada April 1997.

Jerman adalah rakan dagangan terbesar Malaysia dalam kalangan negara Kesatuan Eropah (EU). Pada 2022, nilai perdagangan Malaysia dengan Jerman meningkat sebanyak 10.9 peratus berjumlah RM59.87 bilion berbanding RM53.99 bilion (US\$13.03 bilion) pada 2021.

Terdahulu, Steinmeier hari ini diberikan sambutan negara di pekarangan Parlimen di Kuala Lumpur.

Steinmeier hari ini turut dijadual mengadakan kunjungan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara serta diraikan dalam majlis santapan negara. – BERNAMA